GS/MY-002/FEB2025
19 Februari 2025

Tuan Pengarah
Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Putrajaya

PERKARA: **1. KEMASKINI HARGA TAMBANG GOVT MALAYSIA AIRLINES BERHAD & FIREFLY**
2. PENAMBAHAN LALUAN BARU BAGI PENERBANGAN FIREFLY

Dengan segala hormatnya, kami merujuk kepada perkara di atas. Dimaklumkan bahawa terdapat perubahan berkaitan Cukai Lapangan Terbang (Airport Tax-MY) bagi sektor seperti berikut:-

- **Kuala Lumpur - Johor Bahru:** RM11.00 (sehala)
- **Johor Bahru - Kuala Lumpur:** RM16.00 (sehala)

Pihak Malaysia Airlines telah mengemas kini Harga Tambang GOVT bagi Malaysia Airlines Berhad dan Firefly, yang berkuatkuasa serta merta seperti dilampiran.

Selain itu, Malaysia Airlines juga telah menambah laluan baharu bagi penerbangan Firefly di Mhgom Portal dan GDS (sistem agensi pengembaraan) bermula dari 24 Mac 2025 seperti berikut:-

- **SZB/KCH (Subang – Kuching, Sarawak) pergi balik - ATR**
- **SZB/SIN (Subang – Changi, Singapura) pergi balik – B738**

Laluan baharu ini merupakan sebahagian daripada inisiatif penambahbaikan perkhidmatan penerbangan yang bertujuan untuk memberikan lebih banyak pilihan kepada kakitanan kerajaan dalam urusan perjalanan rasmi dan tidak rasmi.

Sehubungan dengan itu, kami memohon jasa baik pihak Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) untuk menghebahkan makluman mengenai laluan baharu ini kepada seluruh jabatan agar mereka dapat membuat persediaan dan merujuk kepada tambang yang telah diluluskan.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan dalam hal ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

SHAHRIL HAFIZI RADZALI
PENGURUS JABATAN JUALAN KERAJAAN

MALAYSIA AVIATION GROUP
1st Floor, Administration Building, Southern Support Zone,
KLIA, 64000 Sepang, Selangor, Malaysia.